



DEKOTAMAN

RUMAH SERAMBI PAHANG UNIK

Kediaman punyai bahagian balai, serambi dan rumah induk dipasang secara pasak tanpa paku

»2&3

GEN.Y

SAHABAT SE-


Hargai hubungan
ada rangkaian sos

»11



KEDIAMAN *paling UNIK, INDAH*

Mempunyai bahagian balai, serambi dan rumah induk yang dipasang secara pasak tanpa paku



RUMAH tradisional ini bakal ditempatkan di Muzium Warisan Melayu, UPM.



TINGKAP rumah induk yang mempunyai kekisi.



FOKUS

Oleh Hartini Mohd Nawi

hartini@mediaprima.com.my

Tiga kali dilanda banjir besar iaitu pada 1926, 1971 dan tahun lalu cukup menguji ketahanan rumah tradisional berusia 91 tahun ini untuk diangkat antara kediaman paling unik dan sarat dengan nilai keindahan.

Tidak hairanlah rumah lama itu menarik perhatian Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk dijadikan khazanah tradisional untuk tatapan generasi akan datang.

Pihak media diundang Rabu lalu untuk melihat sendiri proses membuka atau menanggalkan semua bahagian rumah itu sebelum ia dipindahkan dan dibina semula di Muzium Warisan Melayu, UPM, Serdang, Selangor.

Turut hadir Ahli Parlimen Jerantut, Pahang, Ahmad Nazlan Idris.

Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM, Dr Muhammad Pauzi Abd Latif berkata, rumah itu cukup istimewa kerana selama terbabit dengan pencarian rumah lama, inilah satu-satunya yang mempunyai balai dan struktur kayunya masih utuh walaupun berusia 91 tahun.

Beliau berkata, ada perahu jalur berukuran enam meter antara sampan terpanjang dihasilkan daripada kayu balak.

Rumah di Kampung Kelola itu terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar Jerantut.

Kami terpaksa berjalan satu kilometer untuk sampai ke rumah itu dalam kawasan berlumpur tapi sebaik tiba, segala masalah terungkai apabila melihat keindahan seni bina rumah lama itu.

Memasuki rumah lama itu suatu pengalaman yang sukar dilupakan penulis, ibarat masuk ke rumah di era kesultanan Pahang 91 tahun lalu.

Sejarah rumah serambi Pahang

Rumah tradisional ini milik penghulu Mukim Kelola, Allahyarham Ismail Khatib Bakar dan isterinya, Allahyarham Tijah Dolah.

Ia dibina sendiri Ismail pada 1924 dan beliau dikatakan ada pertalian darah dengan Tok Pahlawan Gendut iaitu antara pejuang Pahang yang menentang pendudukan Inggeris di Tanah Melayu.

Anak bongsu Ismail, Zaharah, 69, mengakui seolah-olah pengalaman silam suka duka menghuni rumah itu berada di hadapan mata sebaik hadir hari itu.

“Siapa boleh melupakan kehidupan di rumah ini ke-

AKSESORI pada pintu ini masih kekal menarik.



ZAHARAH anak bongsu arwah Ismail



CERMIN hiasan ini masih digantung pada dinding serambi.



KEADAAN siling di bahagian rumah induk.



BINAAN tinggi tingkap berhampiran geta di bilik tidur.



KEADAAN tingkap masih utuh.

rana di sinilah saya dilahir dan dibesarkan bersama enam adik beradik lain,” katanya yang kini tinggal di Kampung Bukit Nikmat, Je-rantut itu.

Pengalaman itu turut dikongsi suaminya, Mat Yunes Itam, 74, yang mengakui rumah tradisional itu mempunyai khazanah dan seja-rah tidak sama dengan ru-mah lain.

Uniknya, rumah yang di-bina berdasarkan kayu cengal dan merbau itu masih utuh seni binanya dan tidak pernah terusik dek serangan anai-anai.

“Rumah ini mempunyai bahagian balai, serambi, ru-mah induk sebagai ruang privasi keluarga dan dapur.

“Ia dipasang secara pa-

sak tanpa paku selain tia-dia pengubabsuaian kecuali bahagian dapur,” kata Zahra-rah.

Biarpun ditinggalkan be-gitu lama, ruang dalaman dan elemen hiasan seni bina masih utuh, antaranya cer-min hiasan berlakar motif menarik masih tergantung pada dinding di serambi.

Almari dan bidai kain dengan kerangka besi juga berada di rumah induk.

Dinding rumah yang di-bina memanjang dengan teknik selit masih utuh dan ada penyangkut pelbagai guna.

Paling menarik beberapa cawan dan gelas bercorak klasik yang membawa perlambangan penghuninya go-longan berada.



CAWAN dan gelas ini melambangkan pemiliknya golongan berada.



SETIAP bahagian ditanda bagi memudahkan kerja pemasangan kelak.



BAHAGIAN bumbung balai ini antara yang pertama dibuka atau ditanggalkan.



PROSES dilakukan dengan teliti.

RUMAH SERAMBI PAHANG

Ada ruang khas untuk bermesyuarat

Rumah serambi Pahang itu mempunyai beberapa ciri yang membezakan dengan rumah tradisional lain.

Pertama, ia adalah rumah penghulu yang mempunyai balai iaitu ruang khas sebagai tempat

mesyuarat dengan penduduk kampung. Ia diasangkan daripada rumah induk.

Binaan geta iaitu katil yang direka khas untuk penghulu 'beradu' atau tidur.

Ia bagi tujuan keselamatan termasuk mengelak insi-

den tertusuk lembing musuh ketika tidur. Tingkap di sebelahnya turut dibina tinggi.

Rumah ini dibina dengan mengambil kira keluasan ruang di masa depan.

Di rumah induk,

rusuk dan dinding sudah dipanjangkan bagi memudahkan kerja pengubah suaian di masa depan.


Sementara tiang setinggi tiga

meter dari tanah ke lantai dan ia juga mempunyai dua tiang seri.

Dr Muhammad Pauzi berkata, idea menempatkan rumah tradisional Pahang itu timbul apabila Ahli Parlimen Jerantut

Balai terasing daripada rumah induk selain ia juga mempunyai dua tiang seri





BAHAGIAN tangga yang masih kukuh.

berkunjung ke Muzium Warisan Melayu, UPM, baru-baru ini.

Ketika ini muzium itu hanya memiliki rumah tradisional Terengganu, Perak dan Negeri Sembilan.

"Pada November tahun lalu, misi mencari rumah tradisional Pahang bermula.

"Syukur segalanya dipermudahkan kerana pencarian itu hanya mengambil masa sehari," katanya.

Dr Muhammad Pauzi kini turut sibuk menyiapkan penulisan buku rumah Negeri Sembilan, bertajuk *Falsafah Dari Segi Kejuruteraan Dan Estetik itu*.

Katanya, rumah lama itu menjadi pilihan kerana ia memenuhi kriteria muzium.

"Paling penting ia rumah lama yang asli dan mempunyai ciri-ciri kediaman tradisional Pahang."

"Kedua, rumah itu perlu mempunyai nilai seja-

rah tersendiri apabila turut membabitkan kediaman penghulu mukim dan menyingkap 1001 rahsia ketika zaman penjajahan Tanah Melayu.

Hal ini penting dijadikan penceritaan kepada pengunjung muzium dan manfaat generasi muda.

Proses pemindahan dan pemasangan semula


Selepas berbincang dengan waris, muzium mengambil keputusan memindahkan rumah ini Disember tahun lalu.

"Namun, banjir besar yang melanda kawasan itu membantu usaha ini tapi kami tidak berputus asa."

"Alhamdulillah, kerja pemindahan dan proses membuka semula berjalan lancar," katanya.

Kerja pemasangan dijangka bermula tidak lama lagi dan dijangka siap April ini.

Menariknya, ia dicadangkan sebagai rumah Persatuan Anak-Anak Melayu Pahang.



DR MUHAMMAD PAUZI
menunjukkan keadaan
dinding yang dipasang menegak.



SETIAP bahagian yang ditanggalkan dipastikan tidak tertinggal.

Kayu cengal keras, tahan serangan anai-anai

Pokok Cengal (*Neobalanocarpus heimii*) adalah sejenis pokok kayu keras yang popular. Biasanya terdapat di kawasan Semenanjung, Singapura dan selatan Thailand.

Kayunya berkualiti dan terbaik serta tergolong dalam keluarga dipterocarpaceae iaitu sejenis pokok menghasilkan buah yang

mempunyai sepasang sayap serta mengeluarkan resin atau damar.

Tidak dinafikan kayu cengal adalah kayu keras yang tahan lama dan mempunyai ketumpatan antara 915 hingga 980 kilogram per meter padu yang kebiasaannya digunakan dalam kerja pembinaan berat.

Ia termasuk pembinaan

bot, dijadikan tiang dan jambatan tanpa perlu diawet kerana ia tahan dari serangan anai-anai.

Ketahanan kayu itu disebabkan terdapat sejenis bahan awet semula jadi yang melindungi kayu teras.

Kayu gubal, teras dan kulit pokok cengal mempunyai sejenis damar yang dikenali sebagai damar pe-

nak serta boleh digunakan dalam pembuatan varnis.

Di negara ini pokok cengal tumbuh di kawasan hutan tanah pamah yang mempunyai ketinggian kurang dari 1,000 meter terutama di kawasan yang mempunyai saliran air yang baik.

Kebiasaannya pokok cengal hidup dengan baik di kawasan yang menerima hujan lebih dari 2,000 milimeter setahun dan tiada musim kemarau panjang.

Ia setinggi 65 meter dengan ukur lilitnya 16.75 meter, atau kira-kira 13 pemeluk dan bergaris pusat 5.32 meter.

Usia pokok tertua ini dianggarkan 1,300 tahun iaitu berdasarkan kaedah pengiraan pokok di kawasan tropika mengikut pertumbuhan gejalang pada kadar 0.4 sentimeter setahun.